

Hari Malaysia diisytihar cuti umum

Kosmo 20/10/09 M/s 4



Sidang Dewan Rakyat Ke-12

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan sambutan Hari Malaysia yang diraikan pada 16 September setiap tahun diisytiharkan sebagai cuti awam untuk seluruh negara mulai tahun depan.

Beliau yang mengumumkan perkara itu pada persidangan Dewan Rakyat semalam berkata, pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat merupakan satu titik sejarah yang amat penting.

"Dengan demikian rakyat Malaysia akan merayakan dua hari kebangsaan secara berkembar. Hari Merdeka pada 31 Ogos mengingatkan kita akan perjuangan mencapai kemerdekaan daripada penjajahan, yang akan dirayakan dengan pelbagai acara rasmi seperti perarakan dan sebagainya untuk mengingatkan detik sejarah itu.

"Hari Malaysia pula akan dirayakan dengan acara-acara bersifat mengeratkan perpaduan, persefahaman antara kaum, kejayaan dan pencapaian masyarakat menerusi bidang sukan, so-

siobudaya, kesenian dan lain-lain yang akan menyemarakkan semangat IMalaysia," katanya.

Hari Malaysia diraikan pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia ketika Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada 1963.

Najib berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Dr. Marcus Mojigoh (BN-Putatan) yang bertanya sejauh mana penerimaan rakyat terhadap gagasan IMalaysia dan jenis-jenis program yang difikirkan berkesan untuk mencapai hasrat tersebut.

Persidangan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas bermula tepat pukul 10 pagi semalam dengan menyaksikan Perdana Menteri sebagai orang yang pertama memberikan jawapan bagi sesi perta-

nyaan jawapan lisan pada sebelah pagi.

Perdana Menteri berkata, dengan penyertaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia sejak 1963, adalah wajar rakyat di kedua-dua negeri itu menikmati kemajuan pembangunan, pendidikan, ekonomi dan sosial seperti di Semenanjung.

"Pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat merupakan satu titik sejarah yang amat penting. Maka kita juga mahu suka duka rakyat di Sabah dan Sarawak dapat dirasakan oleh rakyat di Semenanjung," katanya.

Mengenai gagasan IMalaysia, Najib berkata, tujuan utama konsep yang menjadi teras pentadbiran beliau sejak mengambil alih tampuk pentadbiran negara adalah untuk terus memupuk perpaduan nasional di kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum.

Beliau turut menegaskan, perpaduan antara kaum juga merangkumi integrasi nasional antara rakyat Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang akan terus ditingkatkan.